

ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**PENGARUH KEPERCAYAAN DAN KEARIFAN  
TEMPATAN TERHADAP AMALAN PERUBATAN  
TRADISIONAL MASYARAKAT KADAZANDUSUN**

**THE INFLUENCE OF LOCAL BELIEFS AND WISDOM  
ON TRADITIONAL MEDICINE PRACTICES OF THE  
KADAZANDUSUN COMMUNITY**

**Julita Norjietta Taisin\*<sup>1</sup>, Normarini Norzan<sup>2</sup>,  
Hasmidar Hassan<sup>3</sup>, Constantine Walter<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Malay Language Literature and Department, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University Malaysia, Malaysia. Email: [norjietta@fbk.upsi.edu.my](mailto:norjietta@fbk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Malay Language Literature and Department, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University Malaysia, Malaysia. Email: [normarini@fbk.upsi.edu.my](mailto:normarini@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Malay Language and Linguistics, Faculty of Arts and Social Science, University Brunei Darussalam, Brunei. Email: [hasmidar.hassan@ubd.edu.bn](mailto:hasmidar.hassan@ubd.edu.bn)

<sup>4</sup> Malay Literature Language Department, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University Malaysia, Malaysia. Email: [d094253@siswa.upsi.edu.my](mailto:d094253@siswa.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/300>

**Abstract**

This study aims to identify the influence and belief of local wisdom in the traditional medical practices of the Kadazandusun community in Sabah. The research methodology used is a qualitative field study and data is collected from informants who are identified and reside in several districts in Sabah. An instrument that is an individual interview method (in-depth interview) through recording. The researcher obtains information from the respondent through the village head. They are traditional medicine practitioners who are a reference in the village based on their expertise in terms of the local beliefs and wisdom of the supporting community. The results of the study found that local beliefs and wisdom from previous ancestors contribute to the knowledge and information of traditional medical practices that have been inherited by the supporting community from generation to generation. The implications of the study, the effectiveness of the traditional medical methods that were inherited caused the supporting community to believe that the medical practice is still practiced to this day. In conclusion, skills in the method of preparing medicines from plants as well as the ability to interpret certain meanings can be used for traditional medicinal purposes. Through the study, it is expected that with the existence of several

Kadazandusun language lexical items such as sogit (fine according to custom), bobolian (shaman), kombura (white chicken), sunduan (spirit) and so on help to form sources of terms in the Malay language as well as in various fields of knowledge related to the life of today's society such as animal husbandry, agriculture, nature and animals, plants, carpentry and so on.

**Keywords:** Local Wisdom, Medicine, Traditional and Kadazandusun.

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan kepercayaan kearifan tempatan dalam amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mengutip data daripada informan yang dikenal pasti yang menetap di beberapa buah daerah di Sabah. Instrumen yang digunakan bagi mengumpulkan data ialah kaedah temu bual secara individu (in-depth interview) melalui rakaman. Pengkaji mendapatkan maklumat responden berkenaan melalui ketua kampung. Mereka ialah pengamal perubatan tradisional yang menjadi rujukan di kampung tersebut berdasarkan kepakaran mereka dari segi kepercayaan dan kearifan tempatan masyarakat pendukungnya. Hasil kajian mendapati bahawa kepercayaan dan kerarifan tempatan nenek moyang terdahulu menjadi penyumbang kepada pengetahuan dan maklumat terhadap amalan perubatan tradisional yang telah diwarisi oleh masyarakat pendukungnya secara turun-temurun. Implikasi kajian ialah keberkesanan kaedah perubatan tradisional yang diwarisi menyebabkan masyarakat pendukungnya mempercayai bahawa amalan perubatan tersebut masih dipraktikkan sehingga hari ini. Kesimpulannya, kemahiran dalam kaedah penyediaan ubat-ubatan daripada tumbuh-tumbuhan dan kebolehan mentafsir maksud tertentu dapat digunakan untuk tujuan perubatan tradisional. Melalui kajian ini juga, diharapkan agar beberapa leksikal bahasa Kadazandusun seperti sogit (denda mengikut adat) bobolian (dukun) kombura (ayam putih), sunduan (semangat) dan sebagainya dapat membantu pihak yang berkenaan dalam pembentukan istilah dalam Bahasa Melayu khususnya yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Kadazandusun seperti bidang perternakan, pertanian, alam dan haiwan, tumbuh-tumbuhan, pertukangan dan sebagainya.

**Kata Kunci:** Kepercayaan, kearifan tempatan, perubatan, tradisional dan Kadazandusun

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 30<sup>th</sup> May 2024, revised 2<sup>nd</sup> July 2024, accepted 30<sup>th</sup> July 2024

### Pengenalan

Konsep kearifan tempatan ialah satu bentuk pemikiran yang tinggi lagi mendalam dan kreatif dalam sesuatu amalan dan praktikal yang berlaku dalam masyarakat. Ia mengandungi nilai-nilai tersirat dan tersurat. Nilai-nilai tersurat dapat difahami dengan melihat amalan tersebut, namun nilai tersirat memerlukan pengamatan yang mendalam bagi menghayati falsafah yang terkandung di sebalik perlakuan tersebut. Nilai-nilai yang tersirat adakalanya tidak dapat diketahui dengan

hanya melihat secara luaran, sebaliknya memerlukan panduan dan tunjuk ajar daripada generasi terdahulu. Sebagai contoh, amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat Islam Bajau di Sabah, Negeri Bawah Bayu ialah memandikan jenazah dengan santan. dan Selain menyedapkan masakan, santan juga berfungsi untuk melembutkan daging. Fungsi santan juga digunakan secara tersirat dalam proses memandikan jenazah, iaitu berfungsi untuk melembutkan sendi jenazah bagi menggantikan fungsi daun bidara yang sukar didapati di kawasan kepulauan negeri Sabah. Kelapa lebih mudah didapati di kawasan pulau dan ia menjadi tanaman biasa di pesisir pantai. Unsur kearifan tempatan seperti ini disahkan secara saintifik keberkesanan penggunaannya (Syamsul Azizul, Mohd Nur Hidayat & Mohd Anuar, 2019).

Manakala konsep kepercayaan tradisional dalam kajian ini ialah suatu kepercayaan mengenai hukum alam tabii yang dibawa secara turun-temurun daripada nenek moyang dan tidak berasaskan pegangan agama kerana masyarakat Kadazandusun tradisional mengamalkan kepercayaan animisme pada zaman silam. Kepercayaan ini diwarisi berasaskan fahaman dan adat "pagan" kaum. Misalnya, kepercayaan tentang sesuatu penyakit, adat kematian, adat perkahwinan, adat bersalin dan sebagainya. Justeru, kepercayaan atau anggapan umum sesebuah masyarakat tradisional berkait rapat dengan rangsangan mental akibat kebiasaan yang berlaku. Akhirnya, rangsangan ini melahirkan rasa keyakinan terhadap sesuatu sebagai kesan daripada peristiwa yang berulang-ulang. Kepercayaan ini tidak boleh berdiri sendiri, sebaliknya akan disokong oleh perlakuan, nilai-nilai dan institusi sosial dan kepercayaan juga menghasilkan mitos dalam satu masyarakat (Julita Norjietta Taisin, 2017).

## Latar belakang kajian

Kebanyakan penulis Barat mengakui bahawa penduduk peribumi Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan dan subkumpulan etnik yang berbeza-beza. Hal ini jelas melalui perbezaan dialek, adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat pendukungnya. Hal ini dapat dilihat terutamanya pada amalan adat budaya dan kepercayaan kerana setiap satunya mencerminkan sesuatu suku kaum dengan jelas. Menurut Jacqueline Pugh-Kitingan (2003), masyarakat Kadazandusun mempunyai asas kesamaan dengan suku kaum di Sabah, iaitu dari aspek sistem sosial daripada aspek sejarah lisan, keturunan, kepercayaan, pertanian, bahan-bahan kebudayaan, agama dan amalan adat istiadat adat resam.

Oleh sebab masyarakat Kadazandusun ini memiliki pelbagai budaya yang unik mengikut etnik tertentu maka corak hidup mereka juga berbeza mengikut tempat tertentu. Kebanyakan corak kehidupan mereka ini dipengaruhi oleh adat resam penduduk setempat. Adat resam inilah yang mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Kadazandusun sesuatu kawasan dengan penggunaan bahasa seharian mereka. Etnik Kadazandusun Tradisional sangat mempercayai *bobolian* atau dukun. Kepakaran *bobolian* dalam ilmu *rinait* (mantera) yang menggunakan bahasa yang sangat bermutu tinggi dianggap oleh Raymond Boin Tombung (1997) sebagai "*paderi Dusun*". Peranan *bobolian* sangat penting dalam ilmu perubatan tradisional, iaitu sebagai pakar rujuk penyakit, pengantara roh-roh ghaib, pembantu ketua kampung untuk menyelesaikan masalah adat seperti *sogit* atau "denda", ketua upacara keagamaan dan sebagainya (Dayu Sansalu, 2008).

Masyarakat Kadazandusun sangat mengambil berat perkara yang berkaitan dengan adat dalam kehidupan seharian. Adat yang dipraktikkan dalam masyarakat menggambarkan kecerdikan.

dan kepakaran masyarakat dalam menguruskan kehidupan seharian. Kecerdikan dan kepakaran dalam menguruskan kehidupan seharian ini dikenali sebagai kearifan tempatan. Justeru kajian ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti dan menjelaskan unsur kepercayaan tradisional dan kearifan tempatan yang terkandung dalam perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun.

## **Literatur Kajian**

Kajian Muhammad Yusri Yusof @ Salleh (2010), berkaitan dengan kearifan tempatan dalam sakaratul maut mendapati bahawa masyarakat Melayu juga memiliki kearifan tempatan dalam mengamati tanda-tanda awal kematian oleh pesakit yang sedang nazak. Tanda-tanda kematian itu hanyalah digunakan sebagai tanda awal untuk persediaan oleh keluarga dan masyarakat jika berlaku kematian. Tanda-tanda itu hanyalah sebagai petua dan pedoman dan tidaklah tepat sepenuhnya. Antara tanda-tanda kematian yang terdapat pada pesakit sakaratul maut adalah seperti kerap bermimpi kehadiran ibu dan ayahnya, mimpi seseorang datang menjemput pulang, mimpi kehadiran orang-orang yang telah lama pergi, kedudukan mata dan telinga mulai jatuh, pulih daripada sakit yang lama, sentiasa dahaga dan meminta air, lenguh dan bengkak di bahagian kaki, kaki mulai tidak tegak, belakang mulai rata, perut dan dada beralun, mata memandang ke atas dan bunyi ghargarah di bahagian kerongkong. Tanda-tanda awal ini biasanya digunakan untuk memanggil anak dan sanak-saudara pulang bagi menziarahi pesakit dan memohon maaf jika berkesempatan. Ia juga digunakan oleh masyarakat sebagai persediaan menguruskan jenazah termasuklah menyediakan belanja daripada khairat kematian, menyediakan peralatan pemandian, pengafanan dan pengebumian jika berlaku kematian.

Sementara itu, Normadiyah Nasir, Low Kok On, et al., (2017), menjelaskan bahawa sebilangan besar etnik Murut Tahol didapati masih mewarisi cerita lisan yang berkait rapat dengan aspek perubatan tradisional mereka. Menurut beberapa orang informan dalam kajian ini, banyak jenis cerita yang berhubung dengan hal-hal perubatan sering disampaikan oleh warga tua Murut Tahol kepada anak-anak atau saudara-mara mereka sejak dari dahulu sehinggalah hari ini. Semua informan menyatakan bahawa antara cerita yang kerap didengar mereka mengisahkan pengalaman sebenar ibu bapa, datuk nenek atau saudara-mara mereka yang sembuh daripada pelbagai jenis penyakit seperti luka, bengkak atau gatal dan penyakit ganjil yang tertentu.

Dari segi kearifan tempatan pula, nenek moyang masyarakat Kadazandusun tradisional amat arif dalam mengenal pasti jenis ciri-ciri tumbuhan yang sesuai untuk dijadikan ubat. Namun, pada masa ini, generasi muda masyarakat pendukungnya semakin tidak mengetahui keadaan ini kerana mereka hanya terdedah pada perubatan moden. Sebenarnya, rawatan tradisional dari dimensi kearifan tempatan masih boleh diketengahkan untuk menyembuhkan atau merawat penyakit-penyakit tertentu seperti luka, demam dan sakit perut. Hal ini turut disokong oleh Normadiyah Nasir, Low Kok On, et. el, (2017) yang menyatakan bahawa amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun secara turun-temurun secara tidak langsung menonjolkan kearifan tempatan dan kepercayaan terhadap keberkesanan kaedah perubatan yang diwarisi oleh mereka.

Berdasarkan sorotan kajian yang tersebut, jelas bahawa kajian tentang perubatan tradisional Kadazandusun yang lepas tidak memberikan tumpuan terhadap mantera (rinait) yang berkait rapat dengan perubatan tradisional masyarakat pendukungnya. Oleh itu, kajian berkaitan

Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Perubatan Tradisional Masyarakat Kadazandusun di Sabah wajar dilakukan.

### Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kepercayaan dan kearifan tempatan dalam amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan dan data dikumpulkan daripada informan yang dikenal pasti dan menetap di beberapa buah kampung di sekitar negeri Sabah. Dalam hal ini, Mohd. Taib (1991) melaporkan bahawa kerja lapangan bagi mengumpulkan bahan tradisi lisan ialah langkah utama dalam penyelidikan yang berkaitan dengan bidang folklor (*folklore*), iaitu segala pengetahuan dan tradisi rakyat.

### Dapatan Kajian

Dalam penulisan ini, hanya beberapa bacaan mantera (Puisi lisan Tradisional) diketengahkan untuk mengenal pasti pengaruh kepercayaan dan kearifan tempatan dalam perubatan tradisional masyarakat pendukungnya.

#### Rinait Moguhok Kayu Bahasa Kadazandusun

*Kisundu iti kayu*  
*Kilonud iti tahu*  
*Kayu diti kolingos*  
*Tahu diti kopuai*  
*Kolingos, Katawar*  
*Kolingos do kawanit*  
*Kopuai do aandai*  
*Kayu do kolingos*  
*Ngaran ngaawi do kolingos*  
*Kitanda kopuai toruol*  
*Katawar naanit, naandai*  
*Naanit do tonggiluang*  
*Naandai do tonggirara*  
*Tawaro no diti sundu diti kayu*  
*Kakahu lodun do tahu*  
*Sundu kayu lodun do tahu*  
*Kisundu iti sapang*  
*Kilodun iti tapu*  
*Kayu iti kingaran*  
*Tohun iti kitanda*

#### (Mantera menjampi batang/akar kayu) Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu

*Kayu ini sakti*  
*Kayu ini ajaib*  
*Kayu ini menyembuhkan*  
*Kayu ini membelai*  
*Menyembuhkan, menawarkan*  
*Menyembuhkan yang keracunan*  
*Membelai yang keracunan*  
*Kayu yang menyembuhkan*  
*Nama segala nama yang menyembuhkan*  
*Bertanda membelai penyakit*  
*Menawarkan racun, bisa*  
*Keracunan disebabkan cacing*  
*Keracunan disebabkan cacing*  
*Jadikanlah penawar keajaiban kayu ini*  
*Keajaiban kayu memberi petunjuk*  
*kesaktian kayu memberi hikmah*  
*Sapang ini sakti*  
*Kapur ini berkuasa*  
*Kayu ini bernama*  
*Arang ini bertanda*



*Kingaran do kolingos*  
*Kitanda do kopuai*  
*Ilo naanit, naandai*

*Bernama untuk menyembuhkan*  
*Bertanda untuk mengusap*  
*Yang keracunan, yang keracunan*

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Mantera tersebut digunakan untuk menjampi sejenis kayu yang bernama Sapang. Kayu ini dipercayai dapat menyembuhkan keracunan makanan. Walaupun begitu, kayu ini harus melalui satu proses yang dinamakan *uhakan* yang bermaksud dijampi dalam bahasa Melayu. Selepas dijampi, Sapang boleh digunakan untuk mengubati keracunan makanan. *Bobolian* akan mengikis kayu Sapang dan meletakkan kikisan daripada kayu tersebut pada mangkuk dan akan mencampurkan beberapa jenis kikisan tulang haiwan pada mangkuk tersebut. Selepas itu, air suam akan dicampurkan pada hasil kikisan tersebut dan air tersebut akan bertukar menjadi merah. Selepas air tersebut diminum pesakit, pesakit akan tertidur dan selepas bangun, pesakit akan sembuh.



Informan mengikis kayu sapang dan menuang air pada sapang tersebut pada tempat yang disediakan

*Naanit do tonggiluang* dalam *rinait* di atas bermaksud keracunan yang disebabkan oleh cacing. Dalam penyediaan makanan, aspek kebersihan harus dititikberatkan untuk mengelakkan makanan tersebut tercemar daripada lalat, ulat, debu dan sebagainya. Bagi mereka yang menyediakan makanan ini, mereka haruslah mencuci tangan dengan bersih dengan menggunakan sabun, mengenakan pakaian yang bersih dan memakai penutup rambut. Hal ini penting untuk menjaga kualiti makanan tersebut. Demikian juga dalam pendidikan, etika dalam penyediaan makanan harus dititikberatkan.

*Kisundu iti sapang* dalam *rinait* membawa maksud sapang ini sakti. Sapang merupakan sejenis kayu yang digunakan oleh masyarakat Kadazandusun untuk mengubati keracunan makanan. Hal ini memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat ini dalam memanfaatkan sumber alam semula jadi di sekitar mereka. Kearifan tempatan seperti ini seharusnya diketahui oleh generasi muda masyarakat pendukungnya agar ia tidak hilang begitu sahaja.

**Rinait Pongidu Batakon**  
**Bahasa Kadazandusun**  
*Kog ku dialo ii batak*  
*Paa ku dialo ii hangkou*  
*Batak do minagang*

**(Mantera menyembuh perut yang terkena busung)**  
**Terjemahan bebas dalam Bahasa Melayu**  
*Ku kejutkan kau Batak*  
*Ku kejutkan kau Hangkou*  
*Batak yang menghalang*

*Hangkou do huminangpaa  
Kisundu iti tapu  
Kilodun iti tabak  
Pangapu dilo batak  
Pangabak dilo gapak  
Oidu kou! Lingoso no iti rusap*

*Hangkou yang menghalang  
Kapur ini berkuasa  
Tabak ini sakti  
Mengapuri Batak itu  
Memecahkan sakit itu  
Pergilah kau! Sembuh dengan air rusap (air penawar)*

*Ongoi kou hilo di Limpatuk  
Tu orohian do Batakon*

*Pergi ke pada Limpatuk  
Sebab dia suka dengan Batak (sakit Perut)*

(Sumber: Puan Tinggayan Godsung, 85 tahun, Kg. Toboh Laut Keningau Sabah 22 Ogos 2023)

Mantera ini digunakan untuk menyembuhkan seseorang yang sakit perut disebabkan oleh *Batak* iaitu sejenis hantu yang menyebabkan makanan menjadi beracun dan siapa yang memakannya sakit perut. Mantera ini dibaca sambil memegang kapur sirih dan selepas itu *bobolian* akan mengoleskan kapur tersebut pada perut pesakit. Selepas itu, pesakit tersebut akan tertidur dan akan sembuh. Bagi masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut, mereka mempercayai bahawa terdapat hantu yang bernama *Batak* yang menyebabkan sakit perut. Hantu *Batak* ini dipercayai akan melangkah makanan yang ditinggalkan begitu sahaja ataupun tidak disangkutkan di tempat yang tinggi. Makanan yang biasanya akan dilangkah oleh Hantu *Batak* ini ialah buah-buahan masak yang jatuh dari pokok, air minum dan makanan yang diletakkan sembarangan. Oleh itu, bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku, masyarakat Kadazandusun akan meletakkan makanan mereka di tempat yang tinggi atau di empat yang selamat dan bagi buah-buahan masak yang jatuh dari pokok, buah tersebut haruslah diambil dengan cepat.

***Batak do minagang*** bermaksud batak yang menghalang. Kehidupan kita sudah semestinya tidak lepas daripada halangan dan cabaran. Terdapat banyak penghalang yang dialami oleh seseorang dan salah satunya ialah keterbatasan pendidikan. Kurangnya pendidikan atau keterampilan dapat menjadi penghalang dalam mencapai kemajuan dalam pekerjaan, hubungan, atau kehidupan secara umum. Oleh itu, murid-murid haruslah berkerja keras untuk memperbaiki kehidupan. Seperti yang umum ketahui, masyarakat Dusun yang tinggal di pedalaman merupakan masyarakat yang hidup dalam keadaan yang sederhana dan ada juga yang susah. Namun, tiada yang dapat menghalang ibu bapa untuk memberikan pendidikan kepada anak mereka. Oleh itu, anak-anak bertanggungjawab untuk memperbaiki nasib keluarga mereka untuk keluar dari kitaran ganas kemiskinan ini. Sememangnya bukan mudah untuk dilakukan, namun anak-anak haruslah bersabar dan terus tabah untuk memikul tugas ini demi keluarga.



Informan sedang membaca mantera pada daun sirih

Yang berikut pula ialah tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam ungkapan rinait (mantera) yang dikatakan sastra lisan oleh masyarakat pendukungnya, dan digunakan sebagai perubatan tradisional.

	Tumbuhan (Bahasa Tempatan)	Tumbuhan (Bahasa Melayu)	Fungsi
	<i>a. Rusap</i> <i>b. Tapu</i>	a. Sejenis kulit kayu berwarna kemerah-merahan b. Kapur sirih	Menawar sakit terkena sampukan hantu atau keteguran

Untuk pesakit busung pula, mereka tidak dibenarkan mandi selama tiga hari. Selepas tiga hari mereka akan diubati semula dengan cara yang sama. Keadaan ini berlaku sehingga tiga kali rawatan. Si pesakit juga akan merasa lega kerana pernafasan semakin baik kerana perut semakin mengecil. Dalam tempoh seminggu sehingga tiga minggu daripada rawatan tersebut, si pesakit busung kerap membuang air kecil dan air besar. Warna air kencing si pesakit juga berwarna kuning kemerah-merahan. Dipercayai bahawa perut si pesakit akan beransur mengecil hari demi hari sehinggalah dalam tempoh dua atau tiga minggu dan seterusnya akan sembuh seperti sediakala.

## Kesimpulan

Kini, oleh sebab masyarakat Kadazandusun ini memiliki pelbagai budaya dan adat resam yang unik mengikut etnik tertentu, maka corak hidup mereka juga berbeza mengikut tempat tertentu. Kebanyakan corak kehidupan mereka ini dipengaruhi oleh adat resam penduduk setempat. Adat resam inilah yang mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Kadazandusun sesuatu kawasan. Demikian juga dengan sistem kepercayaan khasnya kepercayaan tentang penyakit yang memerlukan rawatan tradisional. Pada zaman silam, rawatan tradisional memberikan manfaat yang besar untuk kesejahteraan dan kehidupan. Dalam menempuh kehidupan, ada penyakit yang sukar sembuh walaupun pesakit berjumpa dengan doktor pakar disebabkan oleh pesakit melanggar pantang larang nenek moyang. Walaupun majoriti masyarakat Kadazandusun sudah beragama, namun disebabkan oleh terdapatnya pengaruh dan peranan generasi tua, maka unsur-unsur tradisi yang mengaitkan kehidupan manusia dengan kuasa-kuasa supernatural diselitkan supaya kehidupan masyarakat pendukungnya akan terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti sakit, malapetaka, pertelingkahan dan sebagainya. Jelaslah bahawa perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun yang diwarisi daripada nenek moyang berasaskan pembuktian kepercayaan dan kearifan tempatan dan tiada lagi keraguan terhadap kemampuan rawatan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun untuk lebih diyakini sebagai pilihan perubatan yang selamat dan berkesan pada masa dahulu dan sehingga kini masih diamalkan.

## Penghargaan

Kertas kerja ini ialah hasil daripada Geran Penyelidikan Peradaban dan Warisan Melayu (GPPWM) Kod Penyelidikan: 2021-005-105-01(GPPWM). Penyelidik ingin melahirkan rasa



terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak atas kesempatan yang diberikan.

## RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad. (1990). *Kebudayaan Secara Umum*. Melaka: Associated Educational Distributor (M) Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. (1998). *Ilhim: Satu Aspek Perubatan Melayu Tradisional*. Jurnal Budaya Melayu, Jil.5, 1982, hlm.131-157.
- Appell, G.N. (1965). *Reviews on William Thomas Rhys: The Dusun a North Borneo Society*. Dibentangkan dalam Konvensyen Muallaf Sabah pada 26hb. Nov. 1998 di Berjaya Palace Hotel, Kota Kinabalu.
- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haliza Mohd Riji .(2005). *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Hamid, Rahimah, Ahmad Moghni Salbani, Saad Othman. (2014). *Merekayasa Kearifan Tempatan Melalui Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hanafi Hussin. (2006). *Seni persembahan sebagai perkakasan ritual pengobatan: Paluan Gandang dan Tari Sumazau dalam ritual monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah*. JATI: Journal of Southeast Asian Studies 11(12): 1-19
- Julita Norjietta Taisin (2014). *Sudawil : Dari aspek makna*. Thesis PhD. Universiti Malaysia Sabah
- Julita Norjietta Taisin (2017). *Pumpunan Budaya Peribumi Di Sabah : Penyakit Dan Rawatan Dalam Kepercayaan Tradisional Kadazandusun*. Universiti Malaysia Sabah : Kota Kinabalu
- Lokman Abdul Samad. (2008). *Memperkasa dan Melestarikan Sastera Tradisi Sabah*. Dewan Sastera. Oktober :18-22.
- Luping, Herman (8 June 2013). *"Looking at the Origins of the Bobohizan"*. Daily Express Sabah. New York: Holt Rinehart and Winston, h. 132-136
- Mohd, Taib Osman (ed).(1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Taib Osman (Peny.). (1991). *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Yusri Yusof Salleh & Mohd Anuar Ramli. (2019). *Kearifan Tempatan dalam Amalan Masyarakat Melayu Terhadap Pesakit Sakaratul Maut: Satu Kajian Rintis*. Conference: International Conference on Islamic Research in Management, Education, Sosial Sceinces and Technology (ICIRMEST2019 At: Kaizentrenovation, Tanjung Malim
- Normadiyah Nasir, Low Kok On, et el., (2017). *Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam MemoratPerubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah*. Jurnal Kemanusiaan Vol. 24, No. 2, (2017), 59–88. USM: Penang
- Nuek, P. R. (2002). *A Dayak Bidayuh Community: Ritual, ceremonies & festivals*. Sarawak: Lee Miing Press Sdn. Bhd.
- Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2003). *Alat-alat muzik dan muzik instrumental Kadazandusun Tambunan*. Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah
- Raymond Boin Tombung. (1997). *Sedikit tentang masyarakat Dusun dan Kesusasteraannya*. Dalam Shamsuddin Jaafar (penyel.). *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2018). Ngalai: *Ritual Penyembuhan dalam Kalangan Orang Bajau di Kota Belud, Sabah*. *Akademika* 88(3), September 2018:101-112  
<https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-09>
- Shop4Author. (2012). *Top Selling Products for Clifford Geertz*. <http://www.shop4author.com/Clifford%20Geertz> [28 Januari 2012]
- Sintian, Minah. (2012). *Mantera atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan Dalam Aspek Pengamal dan Fungsinya Dalam Kehidupan*. Dicapai daripada 272355029\_MANTERA\_ATAU\_RINAIT\_KADAZANDUSUN\_TINJAUAN\_DALAM\_ASPEK\_PENGAMAL\_DAN\_FUNGSINYA\_DALAM\_KEHIDUPAN
- Suraya Sintang.(2003). *Penganutan Agama Islam dan Krisitian Di Kalangan Masyarakat Kadazandusun Di Sabah*. *Jurnal Usuluddin*, Bil 18 [2003] 59-80 Universiti Malaya.
- Syamsul Azizul, Mohd Nur Hidayat & Mohd Anuar.( 2019). *Unsur Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam*. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa Universiti Malaysia Sabah*.
- Yusri Yusof @ Salleh. (2010). *Unsur Kearifan Tempatan dalam Pengurusan Jenazah Alam Melayu*. Conference: Lecic 2016. Vol. 1. UiTM: Perak